



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

AHAD, 14 APRIL 2024

LAPORAN HARIAN





JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

14/4/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	BERCERAI USIA MUDA KERANA TIADA PERSEFAHAMAN, CURANG	
	https://www.sinarharian.com.my/article/659290/berita/nasional/bercerai-usia-muda-kerana-tiada-persefahaman-curang	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	'SAYA TERHARU, ADA YANG SUDI BANTU KAMI'	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/04/1234407/saya-terharu-ada-yang-sudi-bantu-kami	BHARIAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1079665/ada-yang-memerhati-dan-tampil-membantu	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	UM PERLU LEBIH PROAKTIF ATASI ISU GANGGUAN SEKSUAL - PELAJAR	
	https://www.getaran.my/artikel/pendidikan/58312/um-perlu-lebih-proaktif-atasi-isu-gangguan-seksual-pelajar	GETARAN.MY
	https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/481820	THEMALAYSIANINSIGHT.COM
	https://www.themalaysianinsight.com/s/481821	THEMALAYSIANINSIGHT.COM



Bercerai usia muda kerana tiada persefahaman, curang

PREMIUM

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

Follow

13 April 2024 10:00am Masa membaca: 4 minit



Nancy

PUTRAJAYA - Tiada persefahaman antara suami isteri dan curang merupakan faktor utama berlakunya perceraian dalam kalangan pasangan muda.

Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWK), Datuk Seri Nancy Shukri berkata, berdasarkan Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia kelima (KPKM 5), sebanyak 52 peratus lelaki menyatakan tiada lagi persefahaman antara isteri menyebabkan mereka mengambil tindakan sedemikian.

"Peratusan wanita yang memberikan alasan sama adalah 37.3," katanya kepada Sinar Harian.

Menurutnya, penglibatan orang ketiga dalam hubungan rumah tangga atau curang juga menyumbang kepada keruntuhan institusi keluarga muda.

"Sebanyak 21.5 peratus wanita menyatakan punca perceraian akibat curang manakala lelaki pula 10.2 peratus," katanya.

Pada November tahun lalu, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) mendedahkan kadar perceraian di negara ini menunjukkan peningkatan ketara iaitu daripada 43,936 kes pada 2021 kepada 62,890 kes pada 2022.

Ia merupakan peningkatan sehingga 43.1 peratus dan kadar tertinggi direkodkan sejak 2016.

Mengikut statistik tersebut, perceraian pasangan Islam meningkat 45.8 peratus pada tahun lepas iaitu 46,138 kes berbanding 2021 sebanyak 31,650 kes, manakala perceraian bukan Islam juga meningkat 36.4 peratus daripada 12,286 kes kepada 16,752 kes bagi tempoh sama.

Lebih membimbangkan berdasarkan statistik perkahwinan dan perceraian tersebut, kadar perceraian tertinggi berlaku dalam kalangan pasangan yang masih muda iaitu di bawah usia 39 tahun.

Menyedari hal ini, Nancy berkata, kementerian menerusi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah melaksanakan pelbagai usaha bagi memantapkan institusi perkahwinan dan kekeluargaan melalui pelbagai program pendidikan, pengetahuan serta kemahiran.

Antaranya program Pra Perkahwinan Smartstart khusus untuk pasangan yang akan berkahwin atau usia perkahwinan kurang dari lima tahun.

"Program ini dilaksanakan dengan kerjasama badan bukan kerajaan (NGO) dan badan-badan agama dengan matlamat untuk memberi pengetahuan serta kemahiran kepada peserta tentang persediaan ke arah perkahwinan, seterusnya membantu pasangan membentuk keluarga sejahtera dan berdaya tahan," katanya.

Jelasnya, sebanyak 40 program telah diadakan bagi tempoh tahun 2020 sehingga 2023 melibatkan 1,751 penyertaan.

Selain itu, turut dilaksanakan program Smartstart 2nd Honeymoon untuk memperkasakan perkahwinan dan membantu mengurangkan peningkatan kadar perceraian di Malaysia.

"Program ini disasarkan kepada pasangan dengan usia perkahwinan lima tahun ke atas dan bertujuan untuk menyemarakkan semula rasa cinta antara pasangan suami isteri agar hubungan perkahwinan dapat dimantapkan dan disuburkan seperti tahun pertama mereka membina mahligai cinta," ujar beliau.

Dalam pada itu Nancy menasihati pasangan yang sedang menghadapi dugaan rumahtangga agar bertenang dan berbincang mencari penyelesaian selain mendapatkan bantuan daripada keluarga terdekat.

'Saya terharu, ada yang sudi bantu kami'

Oleh Mary Victoria Dass - April 13, 2024 @ 5:08pm
bhnews@bh.com.my



Arah (bertudung merah) bersama suami, Rosmani Mohd Diah diraikan dengan peluang membeli belah di Pasaraya Econsave Kulai oleh Pengurusnya, B Gopinathan sambil diiringi Muhammad Ismail.

Kulai: "Saya terharu kerana ada juga orang yang sudi bantu, tanpa bantuan kami tidak mampu membeli barang-barang ini," kata warga emas, Arah Aziz.

Arah, 71, berkata dia dan suami, Rosmani Mohd Diah, 54, sebelum ini dia terpaksa menanggung hasrat membeli pelbagai barangan kelengkapan rumah termasuk barangan elektrik atas faktor kewangan keluarga.

Menurutnya, malah dengan pendapatan suaminya sebagai pengawal keselamatan, mereka juga sentiasa berjimat-cermat termasuk dalam soal pemakanan.

Katanya, namun dia mahupun pasangan tidak pernah mengeluh dengan keadaan serba kekurangan yang ditempuh termasuk kediaman dalam keadaan uzur.

"Sebab itu saya dan suami berbincang sebelum membeli barang dan pada hari berkenaan, bajet kami hanya RM80 namun pembelian kami mencecah RM80 dan 80 sen hingga kami terkial-kial ketika di kaunter pembayaran.

"Namun semuanya ada hikmah kerana ada yang memerhati kami dan tampil membantu ketika kami membuat pembayaran.

"Saya memanjatkan kesyukuran atas ilahi dan hanya Allah mampu membalas jasa baik insan yang membantu kami," katanya ketika menerima bawcer membeli-belah di Pasaraya Econsave Cash and Carry di Kulai di sini yang disampaikan pengurus cawangan, B Gopinathan di sini hari ini.

Sementara itu, Rosmani berkata, dia berterima kasih atas keprihatinan ditunjukkan Naib Kadi Daerah Kulai, Muhammad Ismail Sajiman, yang tampil membantu serta tular kisahnya sehingga turut menarik perhatian Pasaraya Econsave.

Menurutnya, ia secara tidak langsung dapat meringankan beban keluarganya yang turut menyara seorang ahli keluarga orang kurang upaya mental (anak lelaki Arah) yang berusia 40-an.

"Sehingga kini saya masih tidak mampu menunaikan beberapa permintaan isteri termasuk bagi membaik pulih keadaan rumah yang uzur, namun dia tidak pernah mengeluh kerana faham keadaan saya.

"Rumah itu adalah milik isteri hasil peninggalan anak lelaki tiri saya yang sudah meninggal dunia.

"Sehingga kini kami tidak pernah memohon bantuan bulanan daripada Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) mahupun Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)," katanya yang tinggal di 846, Jalan Manis 35/2, Taman Manis, Kulai di sini.


Pada 12 April lalu, media memaparkan perkongsian Ismail berkaitan kisah di sebalik pertemuannya dengan suami isteri yang mengundang sebak hingga dia tergerak hati membantu mereka tempoh hari.

Kisah itu dikongsikan Ismail menerusi video dimuat naik di akaun TikTok miliknya, kelmarin dan kini meraih 2.4 juta tontonan dengan rata-rata netizen turut sebak selepas menontonnya.

Ismail merakam video itu secara spontan ketika dia berada dalam sebuah pasar raya di sini pada Isnin lalu.

Dia menyatakan tersentuh dengan kekurangan pasangan itu yang hanya memiliki RM80 dan perlu tambah 80 sen bagi pembelian barangan.

Orang ramai boleh menghulurkan sumbangan kepada pasangan itu menerusi akaun Maybank Rosmani bernombor 151101253244.



UM Perlu Lebih Proaktif Atasi Isu Gangguan Seksual – Pelajar

BERSEKUTUAN | DIKEMASKINI 12 JAM YANG LALU - DITERBITKAN PADA 13 APR 2024 9:20AM

Memorandum yang diserahkan oleh Kelab Feminisme UM kepada pengurusan universiti. gambar The Malaysian Insight

OLEH
Wartawan The
Malaysian Insight

KONGSI ARTIKEL INI



Langgani saluran [Telegram](#) kami untuk berita terkini dan paparan gaya hidup pelengkap hari anda.

KUALA LUMPUR - Sebuah pertubuhan pelajar berharap pihak pengurusan Universiti Malaya (UM) lebih proaktif dan bertindak tegas bagi memastikan kampus sebagai tempat yang selamat untuk pelajar, susulan tinjauan terbaru mereka yang menunjukkan hampir satu daripada lima pelajar menghadapi gangguan seksual.

Pengasas dan Presiden Kelab Feminisme UM, Chin Jes Weng berkata, tinjauan dijalankan oleh kelabnya pada Januari lalu menunjukkan trend yang sangat membimbangkan.

"Hasilnya agak membimbangkan. Tinjauan kami menunjukkan 1 daripada 5 pelajar menghadapi gangguan seksual. Namun, ramai daripada mereka tidak mengambil tindakan dan tidak tahu apa yang perlu dilakukan jika mereka mengalami gangguan seksual."

"Selain itu, 85 peratus pelajar tidak mengetahui Kod Anti Gangguan Seksual di UM," katanya kepada The Malaysian Insight dalam satu temu bual.

Katanya, apabila kelab itu menyerahkan dapatan dan memorandum kepada UM pada 29 Mac, wakil daripada Jabatan Hal Ehwal Pelajar memberi jaminan bahawa perkara itu akan dirujuk kepada Unit Integriti (IU) yang bertanggungjawab terhadap gangguan seksual dalam kampus.

"Beliau berkata akan berjumpa kami semula selepas mendapat laporan daripada IU."

"Saya amat berharap kami akan mendapat maklum balas positif daripada mereka dan wakil itu memberi harapan yang kali ini ia akan berbeza."

"Perlu juga ditegaskan bahawa semua memorandum pernah dihantar oleh badan pelajar dalam beberapa tahun kebelakangan ini tidak mendapat sebarang keputusan, tetapi saya tetap berharap," katanya.

Kaji selidik yang dijalankan secara dalam talian dari 4 Januari hingga 17 Januari lalu mendapati antara lainnya, 22.5 peratus pelajar UM pernah mengalami gangguan seksual.

Hanya 11.5 peratus mangsa mengambil tindakan, manakala hanya 17 peratus menyedari mengenai keujudan Kod Antigangguan Seksual.

Sementara, 76 peratus tidak tahu bagaimana untuk bertindak balas terhadap gangguan seksual, kira-kira separuh daripada pelajar pernah mendengar kes gangguan seksual, termasuk 13 peratus yang mengetahui lebih daripada lima kes.

Antara jenis gangguan seksual yang dihadapi termasuk lisan, bukan lisan, fizikal dan visual.

Sekitar 200 pelajar mengambil bahagian dalam tinjauan tersebut walaupun keseluruhan populasi pelajar UM adalah kira-kira 30,000. Menurut kelab itu, margin kesilapan tinjauan adalah kira-kira enam peratus.

Perlu Perubahan Positif

Chin, yang juga pelajar tahun ketiga dalam jurusan pengajian Cina dan minor dalam pengajian Jantina berkata, tinjauan itu adalah yang pertama dijalankan di UM.

"Kami berpendapat kaji selidik ini penting, terutamanya dalam kes gangguan seksual kerana sentiasa ada khabar angin kes baharu tetapi datanya adalah sulit."

"Kami percaya melalui tinjauan ini, sekurang-kurangnya dapat melihat lebih jelas mengenai situasi gangguan seksual di UM. Hasilnya agak membimbangkan."

"Tetapi dengan kaji selidik ini semata-mata, kami tidak dapat menilai sama ada kes gangguan seksual semakin meningkat, kerana tiada kajian mengenainya sebelum ini."

"Kami merancang untuk mengadakan satu lagi tinjauan yang lebih terperinci pada masa akan datang, jika boleh dengan penyertaan pihak pengurusan UM, bagi memantau keadaan."

"Apa yang jelas adalah kesedaran pelajar yang rendah terhadap isu gangguan seksual," katanya.

Beliau berkata, aduan paling banyak diterima daripada mangsa adalah proses siasatan terlalu lama, malah ada yang menunggu sehingga enam bulan tanpa sebarang hasil dan apabila keputusan diterima, ia dianggap tidak adil kepada mangsa.

"Inilah sebabnya kami mencadangkan supaya proses itu dipendekkan dan menyediakan rangka kerja untuk hukuman mengikut keterukan dan bilangan kesalahan," tambah Chin.

Dalam memorandum mereka, Kelab Feminisme UM mencadangkan supaya UM menubuhkan Jawatankuasa Anti-Salah Laku Seksual (ASMC) di bawah Kesatuan Pelajar Universiti Malaya (UMSU) dan meminda garis panduan antigangguan seksual sedia ada.

Di bawah cadangan pindaan itu, kelab itu mahu UM membuat perubahan positif terhadap tindakan tatatertib ke atas kes gangguan seksual dengan memasukkan garis panduan lebih jelas dan diwakili lebih baik dengan melibatkan pakar serta wakil pelajar, bagi memastikan mangsa diberikan keadilan sewajarnya.

Ia juga mahu hukuman disamak, terutamanya dalam kes pesalah berulang.

Kelab itu berkata, pindaan juga perlu memasukkan garis besar yang lebih jelas mengenai apa yang pihak UM sudah lakukan dalam memastikan pelajar dan kakitangan tidak terdedah kepada eksploitasi seksual dan/atau gangguan, serta pada masa sama memastikan kerahsiaan dijaga.

Perjalanan Masih Jauh

Kelab Feminisme UM juga mahu pihak universiti menggalakkan kesedaran gender dalam kalangan pelajar dan fakulti.

"Dalam memorandum itu, kami membangkitkan tiga tuntutan."

Pembentukan ASMC dan cadangan pindaan kepada kod itu adalah agar UM menjadi proaktif daripada cuba menjadi pencegah.

"Kami juga meminta UM memperkenalkan kembali slot semasa minggu orientasi untuk mendidik pelajar mengenai cara menangani isu gangguan seksual."

"Kami juga percaya perlu ada program untuk semua pelajar dan kakitangan UM yang mendidik mereka mengenai isu ini."

"Melawan gangguan seksual adalah perjalanan yang panjang dan pendidikan adalah perkara utama," kata Chin.

Chin juga menggesa pelajar di UM supaya sentiasa peka mengenai isu jantina dan menyokong satu sama lain.

"Perkara terbaik yang boleh kita lakukan adalah mengambil berat mengenai isu ini dan menyebarkan kesedaran berhubung perkara yang boleh dilakukan untuk mendidik rakan kita dan menyedarkan mereka," katanya.

Chin berkata, beliau memulakan Kelab Feminisme UM tahun lalu dan ia masih dalam proses pendaftaran.

Katanya, kecekapan tipikal UM menyebabkan beliau memulakan kelab itu kerana berdasarkan pengalamannya, hak wanita bukanlah fokus utama dalam kebanyakan kumpulan pelajar di UM.

"Selain itu, saya tidak melihat sebarang pertubuhan feminis beliau yang aktif di mana-mana universiti. Bagi mengisi jurang ini, saya mengasaskan kelab ini," katanya. - The Malaysian Insight, 13 April 2024